

## Trait-trait Personaliti Pembuli, Mangsa Buli dan Pembuli-Mangsa dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Model Lima Faktor (Personality Traits of Bullies, Victims and Bully-Victims Amongst Secondary School Students: Big Five Traits of Personality Model)

RAJA AZRUL HISHAM RAJA AHMAD\*, RUSLIN AMIR & SAEMAH RAHMAN

### ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk melihat perbezaan trait-trait personaliti dalam kalangan pelajar seramai 328 orang pelajar tingkatan empat yang melibatkan sepuluh buah sekolah menengah di Negeri Sembilan. Kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi mengutip data. Terdapat lima domain dalam trait-trait personaliti yang dicadangkan oleh Model Lima Faktor Goldberg iaitu domain Kesedaran, Penerimaan, Kestabilan Emosi, Ekstraversi dan Keterbukaan. Analisis deskriptif min menunjukkan domain Kesedaran, Kestabilan Emosi, Ekstraversi dan Keterbukaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa adalah sederhana. Manakala, domain Penerimaan adalah tinggi. Analisis ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa dalam dua domain Kestabilan Emosi dan Kesedaran. Program-program intervensi yang sesuai, efektif dan menjurus kepada trait-trait personaliti pelajar yang terlibat dengan buli dapat dirancang dan dilaksanakan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam pendidikan dalam menangani buli pelajar di sekolah.

Kata Kunci: Pembuli, mangsa buli, pembuli-mangsa, Model Lima Faktor

### ABSTRACT

This study aims at looking into the difference of traits of personality among 328 form four students of ten secondary school students in Negeri Sembilan. Quantitative survey was used to collect data. Five domains of Conscientiousness, Agreeableness, Emotional Stability, Extraversion and Openness as suggested by Goldberg Big Five Traits of Personality Model were used in this study. Analysis of mean showed a moderate score on Conscientiousness, Emotional Stability and Openness between the bullies, the victims and the bully-victims. Whilst higher score is found on Agreeableness. Analysis of ANOVA showed significantly difference on Emotional Stability, Conscientiousness dan Extraversion between the bullies, the victims and the bully-victims. Appropriate, effective and focused intervention programmes on the traits of personality of the involved students can be planned and implemented by education officials at reducing bullying in schools.

Keywords: Bullies, victims, bully-victims, Big Five Traits of Personality Model

### PENGENALAN

Keganasan terutamanya buli dalam kalangan remaja sekolah sejak beberapa dekad yang lalu telah dikenal pasti sebagai serius dan fenomena ini berterusan dalam ruang lingkup sektor pendidikan, klinikal dan kajian akademik (Olweus 1993; Slee & Rigby 1994). Sebahagian besar keganasan yang berlaku di sekolah dapat dijelaskan sebagai satu sasaran yang sistematik terhadap rakan sebaya oleh seseorang individu pelajar atau sekumpulan pelajar yang dikenali sebagai buli (bullying), “peer victimization” atau “peer harassment” (Perry, Willard & Perry 1990).

Buli berpunca dari tingkah laku seseorang. Tingkah laku pula adalah sebahagian dari personaliti mereka. Menurut Cherry (2005) personaliti dibentuk daripada paten-paten dan trait-trait dari pemikiran, perasaan dan

tingkah laku yang membezakan antara seorang individu dengan seorang individu yang lain. Personaliti seseorang individu dapat dibezakan dengan melihat trait-trait personaliti mereka. Personaliti yang berasaskan trait adalah yang membezakan tingkah laku antara seorang individu dengan individu yang lain berdasarkan trait (Colman 2009).

Model Lima Faktor salah satu contoh model yang berasaskan teori trait. Model Lima Faktor telah mengklasifikasikan trait-trait personaliti kepada lima domain. Lima domain tersebut ialah kestabilan emosi, ekstraversi, keterbukaan kepada idea-idea baharu dan perubahan, penerimaan dan kesedaran. Model Lima Faktor ini berasal dari Model 16 Faktor Personaliti oleh Cattell dan Teori Tiga-Faktor Eysenck (Goldberg 1993; Costa et al. 1992).

### PENYATAAN MASALAH

Buli pelajar sekolah di Malaysia dianggap serius oleh pihak kerajaan dan ini dapat dibuktikan melalui surat-surat pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia. Di samping itu, pihak kementerian juga telah menjalankan pelbagai usaha seperti menyediakan ‘hotline’ untuk menangani keganasan pelajar terutamanya buli.

Di sebalik inisiatif kerajaan yang berterusan, penilaian terhadapnya ialah tentang keberkesanannya dalam menangani buli pelajar di sekolah. Sungguhpun begitu, terdapat satu faktor yang menyumbang kepada kurang berkesannya program-program tersebut dalam menangani buli pelajar di sekolah, iaitu kekurangan kajian untuk melihat dengan lebih mendalam tentang trait-trait personaliti yang antara lain menjadi punca pelajar terlibat dalam buli (Olweus 1993; Salmivalli et al. 1998).

Menurut Harris (2009) dengan mengetahui perbezaan trait-trait personaliti pelajar yang terlibat dan tidak terlibat dengan buli dapat membawa kepada langkah-langkah menangani buli dengan berkesan. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar buli di sekolah. Tambahan pula, sesuatu trait personaliti yang ada pada mereka dapat diberi galakan dan dipupuk serta dibimbing ke arah yang lebih positif dan berguna untuk diri mereka dan institusi pendidikan (Olweus 1993).

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah: Mengenal pasti perbezaan trait-trait personaliti kesedaran, penerimaan, kestabilan emosi, ekstraversi dan keterbukaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

### SOALAN KAJIAN

Apakah perbezaan trait-trait personaliti kesedaran, penerimaan, kestabilan emosi, ekstraversi dan keterbukaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

### HIPOTESIS KAJIAN

Untuk menjawab soalan kajian, dibina Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada trait-trait personaliti kesedaran, penerimaan, kestabilan emosi, ekstraversi dan keterbukaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Ho1 mengandungi lima hipotesis kecil yang dinyatakan seperti berikut:

Ho1a: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada trait-trait personaliti kesedaran antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa.

Ho1b: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada trait personaliti penerimaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa.

Ho1c: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada trait personaliti kestabilan emosi antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa.

Ho1d: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada trait personaliti ekstraversi antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa.

Ho1e: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada trait personaliti keterbukaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa.

### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan menggunakan soal-selidik merupakan kaedah yang lebih cepat, berkesan dan tepat dalam memperoleh maklumat tentang sesuatu populasi yang dikaji (Gall et al. 2007). Populasi kajian terdiri daripada 1,865 pelajar tingkatan empat di sepuluh buah sekolah menengah di Negeri Sembilan. Dari jumlah populasi tersebut, seramai 328 pelajar telah dikenal pasti sebagai pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa. Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah persampelan purposif. Jumlah sampel ini sudah memadai untuk mewakili populasi berdasarkan jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970).

Dalam menentukan sampel pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa, Soal-Selidik Tingkah Laku Buli (TLB) (Olweus 1996) telah digunakan. Pengkaji juga telah mengambil pandangan Solberg dan Olweus (2003) dalam menentukan ‘cutoff point’ pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa. Inventori Trait-Trait Personaliti (TTP) yang berasaskan Model Lima Faktor Goldberg (Goldberg 1992) telah digunakan untuk menentukan trait-trait personaliti antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa. Inventori ini pada asalnya mengandungi 50 item yang dibina secara ‘bipolar’ (mengandungi item yang positif dan negatif). Walau bagaimanapun, pengkaji atas sebab-sebab pengurusan soal-selidik dan analisis data telah membuat keputusan untuk memilih 25 item yang bersifat positif sahaja dalam kajian ini. Dalam soal selidik ini, setiap satu item mewakili lima domain dalam trait-trait personaliti Model Lima Faktor menggunakan skala Likert lima pilihan, iaitu:

1. Keterbukaan adalah seseorang yang terbuka kepada idea-idea baharu dan perubahan.
2. Kesedaran pula ialah seseorang yang mempunyai sikap tanggungjawab yang tinggi, berperancangan dan teratur.
3. Ekstraversi merujuk kepada seseorang yang mudah dan selesa untuk berhubung dengan persekitarannya.
4. Penerimaan pula adalah merujuk kepada sikap yang mementingkan kerjasama dan suasana yang harmoni.

5. Kestabilan emosi adalah seseorang yang tenang, jarang bersedih dan selalu merasa selamat.

Inventori yang digunakan telah menjalani kajian rintis. Seramai 30 orang pelajar tingkatan empat terlibat untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Inventori ini didapati mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Bagi menentukan kesahan, nilai korelasi antara skor yang diperbetulkan dengan jumlah skor (*Corrected Item-Total Correlations*) aspek keterbukaan ialah antara 0.376 hingga 0.550, aspek kesedaran ialah antara 0.360 hingga 0.469, aspek ekstraversi adalah di antara 0.278 hingga 0.427, aspek penerimaan adalah di antara 0.269 hingga 0.469. Aspek kestabilan emosi adalah di antara 0.268 hingga 0.451. Nilai alpha Cronbach keseluruhan adalah di antara 0.844-0.848. Penganalisisan data untuk kajian ini melibatkan analisis deskriptif dan analisis varian satu hala.

#### DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 1, seramai 328 orang pelajar yang dikenal pasti sebagai pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa telah terlibat sebagai responden.

Berdasarkan Jadual 2 dapatkan kajian menunjukkan pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa mempunyai trait personaliti kesedaran, kestabilan emosi, ekstraversi dan keterbukaan pada tahap yang sederhana kecuali trait personaliti penerimaan pada tahap yang tinggi.

Berdasarkan skala Likert lima pilihan, terdapat tiga tahap trait-trait personaliti, iaitu skor min 1.00 hingga 2.98 (rendah). Skor min 2.99 hingga 3.94 (sederhana), manakala skor min 3.95 hingga 5.00 (tinggi).

Jadual 3(a) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pemboleh ubah bersandar kesedaran antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa ( $F(2,325) = 7.006, p = .001$ ) dan terdapat perbezaan yang signifikan pemboleh ubah bersandar kestabilan emosi antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa ( $F(2,325) = 4.057, p = .018$ ). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pemboleh ubah bersandar Penerimaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa ( $F(2,325) = .698, p = .498$ ); ekstraversi antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa ( $F(2,325) = .047, p = .955$ ) dan keterbukaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa ( $F(2,325) = .242, p = .785$ ).

Daripada Jadual 3(b) analisis *Tukey post-hoc* menjelaskan lagi perbezaan signifikan pemboleh ubah bersandar Kesedaran dengan menjelaskan terdapat perbezaan signifikan antara pembuli dan mangsa buli ( $p = .003$ ) dan mangsa buli dan pembuli-mangsa ( $p = .008$ ). Daripada Jadual 4.0(b) analisis Tukey post-hoc juga menjelaskan lagi perbezaan signifikan pemboleh ubah bersandar kestabilan emosi dengan menjelaskan terdapat perbezaan signifikan antara pembuli dan pembuli-mangsa ( $p = .018$ ). Pemeriksaan lanjut mendapati trait personaliti kesedaran, skor min mangsa buli ( $M = 3.72, SP = 1.24$ ) lebih tinggi dari skor min pembuli-mangsa ( $M = 3.52, SP$

JADUAL 1. Ringkasan latar belakang sampel yang terlibat dalam buli mengikut kekerapan dan peratus berdasarkan jantina dan umur

| Jenis Tingkah Laku | Jumlah    | Jantina |           | Umur  |       |
|--------------------|-----------|---------|-----------|-------|-------|
|                    |           | Lelaki  | Perempuan | 13-14 | 15-16 |
| Pembuli            | Kekerapan | 82      | 54        | 28    | 34    |
|                    | Peratusan | (25%)   | (17%)     | (09%) | (10%) |
| Mangsa Buli        | Kekerapan | 126     | 64        | 62    | 67    |
|                    | Peratusan | (38%)   | (20%)     | (19%) | (20%) |
| Pembuli-Mangsa     | Kekerapan | 120     | 62        | 58    | 62    |
|                    | Peratusan | (37%)   | (19%)     | (18%) | (19%) |

JADUAL 2. Taburan min dan sisihan piawai trait-trait personaliti pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa

| Trait Personaliti | Pembuli        | Mangsa | Pembuli-Mangsa |
|-------------------|----------------|--------|----------------|
| Kesedaran         | Min            | 3.38   | 3.72           |
|                   | Sisihan Piawai | 1.31   | 1.24           |
| Penerimaan        | Min            | 4.02   | 4.09           |
|                   | Sisihan Piawai | 1.11   | 1.12           |
| Kestabilan Emosi  | Min            | 3.46   | 3.14           |
|                   | Sisihan Piawai | 1.28   | 1.34           |
| Ekstroversi       | Min            | 3.46   | 3.39           |
|                   | Sisihan Piawai | 1.28   | 1.34           |
| Keterbukaan       | Min            | 3.47   | 3.42           |
|                   | Sisihan Piawai | 1.17   | 1.20           |

JADUAL 3(a). Ringkasan dapatan ujian ANOVA pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa ke atas trait-trait personaliti

| Sumber           | Kategori        | dk  | Jumlah Kuasa Dua | Min Kuasa Dua | Nisbah F | Sig. |
|------------------|-----------------|-----|------------------|---------------|----------|------|
| Kesedaran        | Antara kumpulan | 2   | 11.472           | 5.736         | 7.006    | .001 |
|                  | Dalam Kumpulan  | 325 | 266.089          | .819          |          |      |
| Penerimaan       | Antara kumpulan | 2   | .861             | .430          | .698     | .498 |
|                  | Dalam Kumpulan  | 325 | 200.234          | .616          |          |      |
| Kestabilan Emosi | Antara kumpulan | 2   | 5.774            | 2.887         | 4.057    | .018 |
|                  | Dalam Kumpulan  | 325 | 231.287          | .712          |          |      |
| Ekstraversi      | Antara kumpulan | 2   | .062             | .031          | .047     | .955 |
|                  | Dalam Kumpulan  | 325 | 217.569          | .669          |          |      |
| Keterbukaan      | Antara kumpulan | 2   | .397             | .199 .820     | .242     | .785 |
|                  | Dalam Kumpulan  | 325 | 266.502          |               |          |      |

Sig.- signifikan pada aras = .05

JADUAL 3(b). Dapatan ujian Turkey post-hoc pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa ke atas trait-trait personaliti

| Pembolehubah Bersandar | Pembolehubah Bebas |               | Perbezaan Min | Sisihan Piawai | Sig. |
|------------------------|--------------------|---------------|---------------|----------------|------|
| Kesedaran              | Pembuli            | Mangsa        | .428          | .128           | .003 |
|                        |                    | P.Buli-Mangsa | .084          | .130           | .796 |
|                        | Mangsa             | P.Buli-Mangsa | .345          | .115           | .008 |
|                        |                    | Mangsa        | .062          | .111           | .844 |
| Penerimaan             | Pembuli            | P.Buli-Mangsa | .057          | .112           | .870 |
|                        |                    | Mangsa        | .118          | .100           | .465 |
|                        | Mangsa             | P.Buli-Mangsa | .272          | .120           | .061 |
| Kestabilan Emosi       | Pembuli            | Mangsa        | .331          | .121           | .018 |
|                        |                    | P.Buli-Mangsa | .058          | .108           | .851 |
|                        | Mangsa             | Mangsa        | .035          | .116           | .950 |
| Ekstraversi            | Pembuli            | P.Buli-Mangsa | .021          | .117           | .982 |
|                        |                    | Mangsa        | .014          | .104           | .990 |
|                        | Mangsa             | Mangsa        | .088          | .128           | .959 |
| Keterbukaan            | Pembuli            | P.Buli-Mangsa | .052          | .130           | .777 |
|                        |                    | Mangsa        | .052          | .116           | .893 |

Sig.- signifikan pada aras = .05

= 1.81) dan pembuli ( $M = 3.38$ ,  $SP = 1.31$ ). Pemeriksaan lanjut mendapati trait personaliti kestabilan emosi, skor min pembuli ( $M = 3.46$ ,  $SP = 1.28$ ) lebih tinggi dari skor min mangsa buli ( $M = 3.14$ ,  $SP = 1.34$ ) dan pembuli-mangsa ( $M = 3.13$ ,  $SP = 1.31$ ).

Daripada dapatan analisis ini dapat dirumuskan mangsa buli dan pembuli-mangsa mempunyai trait personaliti Kesedaran yang tinggi. Pembuli pula mempunyai trait personaliti Kesedaran yang rendah. Seseorang pelajar yang mempunyai trait personaliti Kesedaran yang tinggi ialah seorang yang tahu apa yang baik untuk dirinya dan seorang yang bijak menguruskan dirinya seperti tidak suka menangguhkan kerja, melakukan kerja mengikut jadual dan melakukan kerja mengikut apa yang dirancang dengan teratur dan tertib. Hal ini secara tidak langsung, memberi kesan yang baik kepada orang lain. Pembuli mempunyai trait personaliti Kestabilan Emosi yang tinggi berbanding mangsa buli. Manakala,

pembuli-mangsa rendah dalam trait personaliti ini. Seseorang yang mempunyai trait personaliti Kestabilan Emosi yang tinggi adalah seseorang yang dapat mengawal emosinya dalam sebarang bentuk keadaan seperti selalu tenang, tidak mudah panik, tidak mudah sakit hati dan jarang marah.

#### PERBINCANGAN

Hasil daripada dapatan kajian boleh dirumuskan bahawa pembuli mempunyai trait personaliti kestabilan emosi yang tinggi dan trait personaliti kesedaran yang rendah daripada mangsa buli dan pembuli-mangsa. Mangsa buli pula mempunyai trait-trait personaliti yang berlawanan dengan pembuli kerana mereka mempunyai trait personaliti kesedaran yang tinggi dan lebih tinggi daripada pembuli dan pembuli-mangsa tetapi rendah dalam trait personaliti

kestabilan emosi. Pembuli-mangsa mempunyai trait personaliti Kesedaran yang purata tetapi rendah dalam trait personaliti kestabilan emosi dan lebih rendah daripada mangsa buli. Hal ini berlaku kerana sifat mereka yang memiliki ciri-ciri mangsa buli dan pembuli dalam masa yang sama.

Seseorang individu yang memiliki emosi yang stabil adalah seseorang yang selalu relaks, tenang dan tidak mudah panik, tidak mudah terganggu kerana mereka tidak terlalu sensitif dan lebih berasa selamat dan keadaan yang sebaliknya kepada individu yang mempunyai trait personaliti kestabilan emosi yang rendah. Seseorang yang memiliki trait personaliti kesedaran yang tinggi ialah seseorang yang dapat menaakul sesuatu dengan baik untuk kebaikan dirinya dan secara tidak langsung ia memberi kebaikan kepada orang lain serta tahu membezakan antara yang baik dan yang buruk, tidak suka menangguhkan kerja, suka mengikut jadual dan akan merancang sesuatu dan melakukannya. Rendah dalam kesedaran pula merujuk kepada seseorang yang tidak dapat menaakul dengan baik tentang sesuatu yang mendarangkan kebaikan kepada diri mereka dan orang lain, sukar membezakan antara yang baik dengan yang buruk, suka menangguhkan kerja yang diberi oleh guru atau ibu bapa dan lemah dalam membuat perancangan.

Dapatan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian-kajian sebelumnya. Kajian yang dijalankan oleh Menesini, Camodeca dan Nocentini (2010), Fossati, Borroni dan Maffei (2011) dan Fanti dan Kimonis (2013) di beberapa sekolah menengah di Itali memperoleh dapatan kajian yang sama terhadap trait personaliti kesedaran iaitu mangsa buli dan pembuli-mangsa mempunyai trait personaliti kesedaran lebih tinggi daripada pembuli. Perbezaan hanya terhadap trait personaliti kestabilan emosi yang mana tidak terdapat dalam dapatan kajian-kajian sebelumnya seperti dapatan kajian oleh Fanti et al. (2013) yang mendapati pembuli mempunyai trait personaliti kestabilan emosi yang rendah. Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pembuli mempunyai trait personaliti Kestabilan Emosi yang tinggi. Dapatan ini diperoleh atas dua justifikasi.

1. Dalam kajian ini, sampel kajian diperoleh dari sekolah yang berada dalam lokasi bandar dan berhampiran bandar. Oleh hal yang demikian, pembuli adalah dalam kalangan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik mereka yang tinggi.
2. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan jumlah sampel pembuli telah dikenal pasti di peringkat awal. Hal ini menyebabkan sampel kajian akan mengubahsuai atau menukar sikap atau tingkah laku mereka dengan menyembunyikan sikap atau tingkah laku sebenar ketika menjawab soal-selidik tersebut kerana mereka mengetahui bahawa mereka sedang dinilai atau diselidik. Kesan terhadap perubahan sikap dan tingkah laku ini juga dipanggil sebagai '*Hawthorne Effect*' (Stevenset al. 2000).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian oleh Kodzopeljic et al (2014) kerana dapatan kajian mereka terhadap trait personaliti penerimaan ialah tinggi kepada pembuli dan rendah terhadap mangsa buli dan pembuli-mangsa tetapi dalam kajian ini tidak terdapat sebarang perbezaan antara pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa dalam trait personaliti penerimaan. Hal yang sama berlaku kepada trait personaliti kesedaran di mana kajian mereka menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam trait personaliti kesedaran terhadap pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa tetapi sebaliknya dalam dapatan kajian ini mendapati mangsa buli mempunyai trait personaliti kesedaran yang tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Fanti et al. (2013) mendapati pembuli-mangsa mempunyai trait personaliti kesedaran yang rendah tetapi dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembuli-mangsa mempunyai trait personaliti kesedaran yang purata yang mana tidak jauh berbeza dengan mangsa buli tetapi lebih tinggi daripada pembuli. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh latar belakang faktor status sosioekonomi dalam sampel kajian ini adalah dalam kalangan keluarga kelas pertengahan dan faktor sosiobudaya juga tidak banyak berbeza antara kaum di Malaysia berbanding sampel kajian yang digunakan oleh Kodzopeljic et al. (2014) di Serbia yang terdiri daripada etnik yang berbeza status sosioekonomi dan sosiobudaya mereka. Oleh hal yang demikian, status sosioekonomi dan sosiobudaya yang berbeza juga mempengaruhi cara-cara pergaulan dan sentiment terhadap sesuatu seperti trait personaliti dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah.

Kajian akan datang dicadangkan dalam mengenal pasti trait-trait personaliti pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa, boleh diperluaskan kepada pelajar-pelajar yang tidak terlibat dengan buli. Dengan ini, suatu gambaran yang lebih tepat tentang perbezaan trait-trait personaliti pelajar-pelajar dapat dilakukan. Sampel yang lebih besar dengan memasukkan faktor demografi seperti status sosioekonomi (SES) pelajar, lokasi sekolah, bandar dan luar bandar juga akan dapat memberi gambaran yang lebih meluas dan mendalam tentang trait-trait personaliti pelajar di sekolah menengah.

Selanjutnya juga dicadangkan mempelbagaikan instrumen trait-trait personaliti dalam menjalankan kajian tentang buli pelajar. Selain menggunakan instrumen Model Lima Faktor seperti instrumen IPIP (Goldberg 1993) dan NEO-PI-R (Costa & McCrae 1992), terdapat juga instrumen-instrumen lain yang juga mengukur trait-trait personaliti pembuli, mangsa buli dan pembuli-mangsa seperti HEXACO-PI yang menggunakan enam domain trait-trait personaliti, DPQ (The Dutch Personality Questionnaire) dan EPQ (Eysenck Personality Questionnaire) yang juga mempunyai asas yang sama dengan Model Lima Faktor (Lefton & Brannon 2006). Pengkaji akan datang juga boleh mempelbagaikan inventori kajian dalam trait-trait personaliti dengan

menggunakan *Cattell's Sixteen Personality Factor Test* (Lefton et al. 2006).

#### IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian mendapati pembuli mempunyai trait personaliti kestabilan emosi yang tinggi dan trait personaliti kesedaran yang rendah. Oleh hal yang demikian, pembuli yang biasanya memiliki sifat dominan dan agresif ini adalah seseorang pelajar yang berkemahiran dalam sosial, iaitu seorang yang mahir dalam memanipulasi persekitarannya dan mampu untuk mempengaruhi orang lain untuk menyertai mereka. Hal ini sebenarnya satu cabaran bagi para pendidik di sekolah bahawa pembuli jenis ini adalah pelajar yang berpotensi dalam akademik dan mempunyai hubungan interpersonal yang tinggi dengan rakan-rakan dan guru-guru. Pembuli jenis ini juga perlu diberi kesedaran untuk meningkatkan rasa empati mereka kerana mereka rendah dalam aspek ini. Sebagai contohnya, mendedahkan kepada mereka tentang kesan emosi dan tingkah laku negatif yang akan dialami oleh pelajar yang dibuli. Mereka juga perlu diberi peluang untuk mengetuai persatuan atau kelab di sekolah kerana mereka mampu mengawal dan memimpin pelajar lain kerana kestabilan emosi mereka. Walau bagaimanapun, mereka perlu diberi latihan dalam pengurusan diri dan kemahiran penaakulan yang tinggi kerana mereka mempunyai trait kesedaran yang rendah.

Mangsa buli pula didapati tinggi dalam trait personaliti kesedaran dan rendah dalam trait personaliti kestabilan emosi. Program mengawal emosi dan meningkatkan kemahiran asertif seseorang mangsa buli boleh dilakukan oleh guru di sekolah. Di samping itu, mangsa buli boleh juga diberi peluang untuk membantu pembuli dalam peningkatan kesedaran seperti dalam sistem mentor atau ‘buddy’ di mana kedua-dua pelajar secara tidak langsung bekerjasama dan saling cuba memahami antara satu sama lain di bawah pengawasan guru. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan buli dalam kalangan pelajar.

Pembuli-mangsa merupakan pelajar yang mempunyai trait personaliti yang purata dan rendah dalam trait personaliti kestabilan emosi. Guru perlu menjalankan program intervensi terhadap pelajar jenis ini terutama dalam penaakulan terhadap sesuatu kerana mereka mempunyai ciri-ciri mangsa buli dan pembuli. Program kaunseling secara berterusan perlu dilakukan ke atas mereka terutamanya dalam meningkatkan kemahiran interpersonal dalam diri mereka seperti cara-cara bergaul dengan rakan-rakan. Mereka juga perlu diberi kebebasan dalam membuat pilihan dengan bimbingan guru dan perlu diberi peluang juga dalam persatuan dan kelab untuk memberi pendedahan kepada mereka dalam aspek kepimpinan yang positif.

Program-program dan langkah-langkah yang sesuai dan efektif dengan mengambil kira trait-trait personaliti pelajar-pelajar yang terlibat perlu dilakukan untuk

menangani buli dan seterusnya meningkatkan amalan yang positif dalam kalangan pelajar. Hal ini juga boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar tersebut. Sesuatu program dan langkah intervensi yang hendak dilakukan akan dapat dilaksanakan secara tepat dan berkesan kerana trait-trait personaliti yang berbeza antara seseorang individu pelajar memerlukan cara dan pendekatan yang berbeza.

#### KESIMPULAN

Kajian ini telah memberi satu perspektif baru dalam menangani buli pelajar di sekolah. Ia juga merupakan suatu penambahan ilmu kepada pengetahuan sedia ada terutamanya dalam memahami buli dalam kalangan pelajar di sekolah. Meningkatkan moral dan disiplin pelajar bukan merupakan suatu tugas yang ringan tetapi ia memerlukan ilmu, komitmen dan kesabaran kerana membentuk moral dan tingkah laku seseorang manusia ini melibatkan proses yang panjang. Kepelbagai ilmu dalam memahami pelajar dari pelbagai sudut seperti pemikiran, sikap dan tingkah laku mereka di sekolah oleh pihak yang berkepentingan dalam pendidikan adalah penting dalam meningkatkan taraf sistem pendidikan yang moden, berkualiti dan bertaraf dunia.

#### RUJUKAN

- Abdul Malek, R., Mohamad Nasir, Sabariah,S., Md.Noor, Ab. Aziz,Y.Zulkifli,Muhammad Bazlan, Ahmad Jazimin & Nur Junaidah. 2013. Aggressive behavior phenomenon among teenagers in schools: Prevention and treatment. *International Journal of Arts and Commerce* 2(3): 58-62.
- Bradshaw, C.P., Waasdorp, T.E. & O'Brennan, L.M. 2013. Teachers' and education support professionals' perspectives on bullying and prevention: Findings from a National Education Association Study. *School Psychology Review* 42(3): 280-297.
- Colman, A.M.2009. *A Dictionary of Psychology*. New York: Oxford University Press.
- Costa, P.T.J. & McCrae, R.R. 1992. *Revised NEO Personality Inventory (NEO-PI-R) and NEO Five-Factor Inventory (NEO-FFI) manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources. [http://en.wikipedia.org/wiki/Bigfive\\_personality\\_traits.html](http://en.wikipedia.org/wiki/Bigfive_personality_traits.html) [3 June 2011].
- Craig, W. M. 1998. The relationship among bullying, victimization, depression, anxiety and aggression in elementary school children. *Personality and Individual Differences* 24: 123-130.
- Craig, W., Peters, R. & Konarski, R. 1998. Bullying and victimization among Canadian school children (Report No. W-98-28E).Retrieved from the Applied Research Branch, Strategic Policy, Human Resources Development Canada :psd.pwgsc.gc.ca/collection\_2008/hrsdc-rhdsc/MP32-28-98-28E.pdf.
- Fanti, K.A. & Kimonis, E.R. 2013. Dimensions of juvenile psychopathy distinguish“bullies”, ‘bully-victims” and “victims”. *Psychology of Violence* 3(4): 396-409.

- Fossati, A., Borroni, S. & Maffei,C. 2012. Bullying as a style of personal relating: Personality characteristics and interpersonal aspects of self-reports of bullying behaviours among Italian adolescent high school students. *Personality and Mental Health* 6(4): 325-339.
- Glover, D., Gough, G., Johnson,M., & Cartwright, N. 2000. Bullying in 25 secondary schools: Incidence, impact and intervention. *Educational Research* 42: 141-156.
- Goldberg, L.R.1992. The development of markers for the Big Five factor structure. *Psychological Assessment* 4: 26-42.
- Goldberg, L.R. 1993. The structure of phenotypic traits. *American Psychologist* 48: 26-34.
- Jamal, S. S., Faridah, K. & Zuria, M. 2010. Sifat maskulin dan tingkah laku membuli. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1): 77-82.
- Kodzopeljic, J., Smederevac, S., Mitrovic, D., Dinic, B. & Colovic, P. 2014. School bullying in adolescence and personality traits: A person-centered approach. *Journal of Interpersonal Violence* 29(4): 736-757.
- Kumpulainen, K., Rasanen, E., Henttonen, I., Almqvist, F., Kresanov, K., Linna, S. L., Moilanen,I., Piha, J., Tamminen,T. & Puura, K.1998. Bullying and psychiatric symptoms among elementary school-age children. *Child Abuse and Neglect* 22: 705-717.
- Ladd, G.W. & Kochenderfer-Ladd, B. 2002. Identifying victims of peer aggression from early to middle childhood: Analysis of cross-informant data for concordance, estimation of relational adjustment, prevalence of victimization and characteristics of identified victims. *Psychological Assessment* 14(1): 74-96.
- Lefton, L.A. & Brannon, L.2006. *Psychology*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Mahadi, K.2007.Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama di Sarawak. Seminar Penyelidikan Pendidikan. Anjuran Institut Perguruan Batu Lintang. Batu Lintang, Sarawak.
- Menesini, E., Camodeca, M. & Nocentini, A. 2010. Bullying among siblings: the role of personality and relational variables. *Journal of Developmental Psychology* 28(4): 921-939.
- Menesini, E., Modena, M. & Tani, F. 2009. Bullying and victimization in adolescence: Concurrent and stable roles and psychological health symptoms. *The Journal of Genetic Psychology* 170(2): 115-133.
- Olweus, D. 1993. *Bullying at School: What We Know and What We Can Do*. Oxford: Blackwell.
- Olweus, D. 1997. Bully/victim problems in school: Knowledge base and an effective intervention program. *Irish Journal of Psychology* 18: 170-190.
- Pellegrini, A.D., Bartini, M. & Brooks, F. 1999. School bullies, victims and aggressive victims: Factors relating to group affiliation and victimization in early adolescence. *Journal of Educational Psychology* 91: 216-224.
- Perry, D.G., Williard, J.C. & Perry, L.C. 1990. Peers perceptions of the consequences that victimised children can provide aggressors. *Child Development* 61: 1310-1325. Dlm. S. Sharp (pnyt). 1996. Self-esteem, response style and victimization: possible ways of preventing victimization through parenting and school based training programmes. *School Psychology International* 17: 347-357.
- Rigby, K. 2003. Consequences of bullying in schools. *Canadian Journal of Psychiatry* 48 (9): 583-590.
- Rivers, I. & Noret, N. 2010. Participant roles in bullying behavior and their associations with thoughts of ending one's life. *Crisis* 31(3): 143-148.
- Salmivalli, C., Lappalainen, M. & Lagerspetz, K.M.J. 1998. Stability and change of behavior in connection with bullying in schools: a two-year follow-up. *Aggressive Behavior* 24: 205-218.
- Sheras, P. 2002. *Your Child: Bully or Victim?* New York: Skylight Press Inc.
- Solberg, M.E. & Olweus, D.2003.Prevalence estimation of school bullying with the Olweus Bully/Victim Questionnaire. *Aggressive Behavior* 29: 239-268.
- Stevens, V., Bourdeaudhuij, I. D. & Oost, P. V. 2000. Bullying in Flemish schools: an evaluation of anti-bullying intervention in primary and secondary schools. *British Journal of Educational Psychology* 70: 195-210.
- Vail, K. 1999. Words that wound. *American School Board Journal* 9: 37-39.
- Wan Salwina,W.I.,Susan, M.K.T., Nik Ruzyanei,N.J., Tutti Iryani, M.D., Shamsul Azhar, S., Aniza, I. & Zasmani, S. 2009. School bullying among standard six students attending primary national schools in the federal territory of Kuala Lumpur: The Prevalence and associated socio demographic factors. *ASEAN Journal of Psychiatric* 11(1): 1-8.
- Wei, H-S. & Chen, J-K. 2012. The moderating effect of Machiavellianism on the relationships between bullying, peer acceptance and school adjustment in adolescents. *School Psychology International* 33: 345-363.
- Whitney, I. & Smith, P. K. 1993. A survey of the nature and extent of bullying in junior/middle and secondary schools. *Educational Research* 35: 3-25.
- Wong, D.S.W. 2004.School bullying and tackling strategies in Hong Kong. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 48: 537-553.
- Wood, S.E. & Wood, E.G. 2002. *The World of Psychology*. Boston: Allyn & Bacon.
- Zurhana, M. & Abdul Samad, M.D. 2006. Pelakuan buli di sekolah: Ciri dan kesannya. *Jurnal Akademik IPTAR*: 88-93
- Raja Azrul Hisham Raja Ahmad\*  
SMK Puteri  
Jalan Labu Lama  
70200 Seremban, Negeri Sembilan  
Malaysia
- Ruslin Amir  
Saemah Rahman  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

\*Pengarang surat-menjurut, email: rajaazrulhisham@gmail.com

Diserahkan: 01 Mei 2016

Diterima: 16 September 2017

